

Perlunya parti mewakili kaum pekerja di Malaysia

Malaysiakini.com

November 5 ,2011

Sebenarnya isu mengenai penindasan majikan terhadap pekerja serta kenaikan gaji yang terlalu rendah membuatkan kami seperti dianak tiri kan oleh kerajaan. Kami merasakan seolah-olah kerajaan hanya mementingkan sektor awam dari kami sektor swasta.

Kerajaan hanya mementingkan Cuepacs yang mewakili sektor awam dari MTUC yang mewakili sektor swasta. Kemuncaknya dari ketidakadilan itu satu rapat umum yang diadakan oleh MTUC yang mewakili sektor swasta kerana menentang akta pekerja 1955 yang diluluskan oleh parlimen.

Akta itu menurut pandangan kami merugikan kami sektor swasta. Malaysia akan mejadi negara maju 2020 tetapi terlalu banyak jurang-jurang pemisah diantara sektor awam dan sektor swasta terutama kenaikan gaji. Kerajaan terlalu memanjakan Cuepacs sehinggakan segala kemahuan Cuepacs dituruti.

Sepatutnya kerajaan harus peka dalam peka dalam soal ini. Sesebuah negara maju sepatut tiada jurang pemisah di antara sektor awam dan swasta.

Di sini cuba perhatikan belanjawan 2012 adakah menguntungkan sektor swasta. Kenaikkan gaji sektor awam menyebabkan harga makanan meningkat apa akan jadi sektor swasta yang gajinya rendah maka di sini timbul kos sara hidup yang tinggi maka bolehlah diiibaratkan kais pagi makan pagi kais petang makan petang.

Kemiskinan akan timbul dan di sini saya akan bertanya inikah sebuah negara maju? Oleh itu saya yang mewakili pekerja-pekerja sektor swasta mencadangkan perlunya sebuah parti politik yang mewakili kami sektor swasta seperti di negara barat terutama di Britan adanya Parti Buruh yang mewakili golongan pekerja.

Dengan adanya parti yang mewakili kami pekerja- pekerja sektor swasta segala luahan kami dapat didengar di parlimen dan ketidak adillan majikan dapat di dengari di parlimen dan akta-akta yang merugikan kami sektor swasta dapat dipinda serta jurang-jurang pemisah dapat dihindari.